

23/05/2003

Pelajar mesti kuasai bahasa Inggeris hadapi persaingan

Mohd Fuad Razali; Norzilawati Abdul Halim

SHAH ALAM: Pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu

menggandakan usaha menguasai bahasa Inggeris bagi meningkatkan peluang memasuki pasaran pekerjaan yang kini semakin sukar dan kompetitif.

Pada masa sama, mereka perlu menguasai kemahiran berkomunikasi supaya berkebolehan menyampaikan pandangan secara berkesan.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan

Sri Abdullah Ahmad, berkata pelajar Melayu mesti mencontohi kesungguhan orang Ireland menguasai bahasa Inggeris sehingga berjaya memacu pertumbuhan ekonomi negara itu, yang dulunya miskin, kepada menjadi terpentas di kalangan negara maju.

Beliau berkata, kebolehan menguasai bahasa Inggeris tidak akan mengorbankan kedudukan bahasa Melayu serta mengurangkan jati diri mereka sebagai orang Melayu.

"Kita mesti menguasai bahasa Inggeris seperti orang Irish. Tak kan kita

mahu mengorbankan bahasa ibunda. Walaupun mereka menguasai bahasa Inggeris, bahasa Gaelic iaitu bahasa ibunda orang Irish, tetap segar dan berkembang.

"Kurangkan kemelayuan Datuk Onn Jaafar, pengasas Umno dan Lembaga Pembangunan Industri Luar Bandar (Rida); Tun Razak, bapa pembangunan, wira

Melayu dan pengasas Institut Teknologi Mara (ITM) dan juga Dr Mahathir yang meluluskan penubuhan universiti yang tercinta ini (UiTM), kerana ketiga-tiga negarawan ini petah bercakap dan menulis dalam bahasa Inggeris?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan balas menerima anugerah ijazah kehormat Doktor Kewartawanan daripada UiTM, di sini semalam.

Anugerah disampaikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang juga Canselor UiTM sempena konvokesyen ke-57 universiti itu.

Pada majlis itu juga, UiTM menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Pengurusan Perniagaan kepada Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Abdullah berkata, walaupun tidak sampai 400 juta insan dalam dunia memahami bahasa Inggeris, mereka tersebar di seluruh alam dan lazimnya terdiri daripada penggubal dan pelaksana dasar.

Bagaimanapun, katanya, menguasai bahasa saja belum mencukupi, jika tidak disertai kemahiran berkomunikasi yang berkesan.

"Sesiapa yang tidak boleh berkomunikasi, sebenarnya tercicir daripada persaingan untuk menguasai maklumat dalam era pengetahuan ini. Rakyat Malaysia, seperti juga warga dunia lain, tidak boleh ketinggalan," katanya.

Beliau memberi contoh rakyat Jepun, Perancis dan Belanda, yang kini berlumba-lumba menguasai bahasa Inggeris walaupun mereka bangsa maju,

tetapi bahasa mereka bukan bahasa antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau menyarankan pelajar Melayu menguasai empat bahasa, iaitu bahasa ibunda, Inggeris dan Arab serta Mandarin atau satu bahasa Eropah seperti Sepanyol.

Menyentuh bidang kewartawanan, Abdullah berkata, kebebasan media yang mutlak tidak wujud di mana-mana pun dan menyifatkan mereka yang percaya ada kebebasan akhbar tanpa sempadan, sebagai sangat jahil, mentah atau mungkin sengaja mahu menjadi jahil.

"Malah, kebebasan media di Amerika Syarikat dan Britain hanya suatu konsep dan teori; satu mitos yang menjadi candu atau dadah bagi sesetengah

mereka yang menggelar diri sebagai cerdik pandai," katanya.

Sambil menolak dakwaan golongan antikerajaan, kononnya media perdana tidak bebas, beliau berkata, "Saya akui saya tidak bebas menyiarkan berita

palsu atau tuduhan yang tidak benar dan tidak bertanggungjawab. Jika saya

berbuat demikian, saya lari daripada tanggungjawab dan etika profesion kewartawanan dan saya akan disaman kerana fitnah."

Katanya, media perdana tidak pernah dikongkong sesiapa pun, sebaliknya pengarang bersikap cermat kerana tidak mahu mengambil risiko bagi mengekalkan keamanan, keharmonian, muhibah dan memelihara sensitiviti pelbagai bangsa, budaya dan agama di negara ini.

Abdullah juga berkata, media berbahasa Inggeris akan terus berpengaruh walaupun jumlah edarannya kecil, berbanding media berbahasa Melayu dan Cina, kerana dibaca dan diminati elit politik, bisnes, profesional, ahli akademik, diplomat, pendeta, sarjana dan ilmuwan.